

等 別：普通考試
類 科：外語導遊人員（馬來語）
科 目：外國語（馬來語）
考試時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當的答案，複選作答者，該題不予計分。

(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。

(三)禁止使用電子計算器。

- 1 Ali membeli sehelai baju yang berharga lima ratus empat puluh NTD, dia membayar dengan seribu, berapa yang harus dikembalikan oleh penjual?
(A) Enam ratus empat puluh. (B) Lima ratus tiga puluh.
(C) Empat ratus enam puluh. (D) Seratus sepuluh.
- 2 Di Taiwan ada empat musim. Kebanyakan pelancong suka datang melancong di Taiwan pada musim _____ kerana cuaca yang sejuk.
(A) panas (B) dingin (C) hujan (D) kemarau
- 3 Kalau seseorang datang lewat, dia harus mengucapkan _____ kepada orang yang menunggu.
(A) selamat jalan (B) selamat pagi (C) maaf (D) terima kasih
- 4 Taiwan adalah tempat yang sesuai untuk menanam buah-buahan. Di Taiwan ada banyak buah-buahan yang sedap dan manis, _____ nanas dan pisang adalah yang paling terkenal.
(A) di antaranya (B) kecuali (C) selain itu (D) oleh kerana itu
- 5 Kita dinasihatkan untuk sampai di lapangan terbang untuk _____ sekurang-kurangnya sembilan puluh minit sebelum waktu penerbangan kita.
(A) menjadi ketua (B) mendaftar masuk
(C) membantu orang lain (D) memimpin orang ramai
- 6 Sekarang dengan teknologi yang canggih, semasa kita ingin daftar masuk di lapangan terbang, kita sudah boleh mencetak pas masuk atau _____ nya ke telefon bimbit kita.
(A) menghantar (B) menolak (C) membantu (D) menolong
- 7 Kalau inginkan perjalanan yang lancar, pastikan anda tiba sekurang-kurangnya sembilan puluh minit lebih awal untuk penerbangan _____ dan penerbangan domestik.
(A) pertolongan (B) pertemuan (C) penggunaan (D) antarabangsa
- 8 Di kaunter daftar masuk, biarkan _____ kami yang _____ membantu anda dengan semua keperluan daftar masuk anda.
(A) pelancong...banyak (B) pegawai...kejam
(C) kakitangan...ramah (D) buah tangan...cantik
- 9 Pramugari: Kalau ada sebarang keperluan, kami sedia _____ anda. Anda boleh _____ butang ini.
(A) menipu...meniup (B) membantu...menekan
(C) menolong...memukul (D) membantu...menjerit
- 10 Pramugari: Apa yang ingin anda makan untuk hari ini?
Hassan: Ada apa yang pedas?
Pramugari: Anda boleh _____ nasi lemak.
(A) cuba (B) lihat (C) hapuskan (D) tengok

- 11 “Terima kasih kerana _____ untuk terbang bersama kami,” kata perempuan berseragam merah itu.
(A) memilih (B) memiliki (C) menikmati (D) memaksa
- 12 Hassan: Saya _____ dan sedikit pening kepala, ada ubat di dalam kapal terbang?
Pramugari: Ada. Sila tunggu sebentar.
(A) suka hati (B) demam (C) buah hati (D) teman
- 13 Pegawai: Apa _____ anda datang ke Taiwan?
Azmin: Untuk melancong.
Pegawai: _____ perjalanan anda?
Azmin: Lebih kurang seminggu.
(A) keadaan...Berapa lama (B) sebab...Berapa banyak
(C) tujuan...Berapa lama (D) situasi...Berapa panjang
- 14 Pegawai: Sila _____ alamat anda semasa di Taiwan.
Nul: Maaf, saya tidak _____ alamat hotel saya.
(A) tuliskan...ingat (B) daftarkan...mahu (C) tuliskan...suka (D) lukiskan...ingat
- 15 Setiap pelancong ke Taiwan dikehendaki _____ borang kemasukan sebelum pemeriksaan imigresen di kastam.
(A) mengingat (B) mengisi (C) menginap (D) mendarat
- 16 Sekiranya anda tidak kisah terhadap kadar pertukaran mata wang dan ingin bertukar mata wang di Taiwan, terdapat juga bank-bank di lapangan terbang yang _____ perkhidmatan pertukaran mata wang.
(A) menjadikan (B) mengeluarkan (C) melalui (D) menyediakan
- 17 Voltan di Taiwan ialah 110V dan kebanyakan barang elektronik sekarang menyokong voltan sebanyak 110V-220V, jadi para pelancong _____ membawa pengubah voltan ke Taiwan.
(A) tidak perlu (B) harus (C) semestinya (D) belum pasti
- 18 Pada musim sejuk, Taiwan sering diliputi awan dan selalu hujan _____ di kawasan pergunungan.
(A) dengan demikian (B) oleh kerana itu (C) terutamanya (D) mungkin
- 19 Setiap pelancong yang _____ Taiwan tidak _____ membawa lebih daripada NTD 100,000 atau USD 10,000.
(A) datang...disambutkan (B) berkunjung...dijemput
(C) pengunjung...dielakkan (D) mengunjungi...dibenarkan
- 20 Peraturan jalan raya Taiwan _____ setiap penumpang dalam kereta _____ tali pinggang keledar sepanjang perjalanan.
(A) mewajibkan...mengikat (B) mengizinkan...memotong
(C) menempatkan...menjual (D) menjaminkan...mengikut
- 21 Kebanyakan kedai di Taiwan sudah tidak lagi _____ beg plastik.
(A) mengelakkan (B) membekalkan (C) menjual (D) menikmati
- 22 Laluan-laluan tren di Taiwan meliputi _____ Taiwan dan banyak laluan ini melintasi kawasan _____ dan pedalaman.
(A) tempat-tempat di...pergunungan (B) semua...perumahan
(C) seluruh...bandar (D) kebanyakan...laut

- 23 Kalau ingin mencuba perkhidmatan tren di Taiwan, pelancong boleh memilih mod _____ mengikut objektif, masa dan kos perjalanan. _____ tiket boleh dibuat melalui telefon atau internet.
 (A) mengangkut...Menempah (B) berangkat...Bertempah
 (C) pengangkutan...Penempahan (D) pengambilan...Penempatan
- 24 Teksi di Taiwan berwarna kuning dan mudah dikenali. _____ teksi biasanya dikira dengan sistem bermeter.
 (A) Waktu (B) Pemandu (C) Pejalan (D) Tambang
- 25 Industri perhotelan di Taiwan berkembang _____, khususnya hotel mewah sudah _____ tahap peringkat antarabangsa.
 (A) pesat...mencapai (B) cepat...meningkat (C) lambat...menyajikan (D) maju...memuji
- 26 Terdapat _____ taman rekreasi di Taiwan yang menyediakan kemudahan rekreasi yang menarik.
 (A) kurang sahaja (B) dekat sekali (C) beraneka jenis (D) mudah dan senang
- 27 Taiwan dikenali sebagai negara yang **termasyhur** dengan buah-buahan. Perkataan yang sama makna dengan **termasyhur** ialah:
 (A) sedap sekali (B) terlupa (C) tersendiri (D) terkenal
- 28 Anda _____ MRT Taipei laluan Songshan-Xindian dan turun di Stesen Xindian, _____ bertukar ke bas No. 849.
 (A) membawa...sebelum itu (B) menaiki...kemudian
 (C) menghasilkan...sebab (D) memperkenalkan...dengan itu
- 29 Perpustakaan Beitou yang merupakan perpustakaan yang _____ di Taiwan pernah mendapat anugerah arkitektur.
 (A) sangat halus (B) tidak cantik (C) paling indah (D) agak senang
- 30 Hassan: Tumpang tanya cik, saya ingin pergi ke Ruifang, tetapi saya tidak pasti harus _____ di stesen yang mana?
 (A) jadi (B) menaiki (C) turun (D) terjun
- 31 Kalau tidak dapat habiskan makanan di restoran, biasanya kita boleh _____ dan bawa balik.
 (A) makan semua (B) tumbuh (C) tinggi (D) bungkus
- 32 Mesin ATM boleh dijumpai _____ tempat di Taiwan. Namun, sekiranya pelancong ingin _____ wang dari mesin ATM di Taiwan, dinasihatkan untuk mengaktifkan fungsi tertentu sebelum bertolak.
 (A) di apa-apa...menghantarkan (B) di mana-mana...mengeluarkan
 (C) di siapa-siapa...mencarikan (D) di mana-mana...menemukan
- 33 Budaya sarapan di Taiwan sangat istimewa kalau _____ dengan negara lain.
 (A) berkhidmat (B) bergiat (C) bersantai (D) berbanding
- 34 Kedai soya di Taiwan _____ kedai sarapan yang terkenal dan memulakan perniagaan dari waktu malam hingga _____ nya.
 (A) merupakan...keesokan hari (B) adalah...malam hari
 (C) ialah...hari lusa (D) merupakan...besok

- 35 Teh Taiwan _____ terdapat pelbagai jenis _____ memiliki cita rasa dan aroma yang khas dan tersendiri.
(A) bukan sahaja...demikian (B) tetapi juga...namun demikian
(C) bukan sahaja...tetapi juga (D) jikalau tidak...tentu sahaja
- 36 Kebelakangan ini, Taiwan telah meluluskan pelancong-pelancong dari lebih daripada 40 negara, _____ negara-negara Asia Tenggara seperti Brunei, Malaysia, Singapura, Thailand dan Filipina untuk _____ di Taiwan selama 30 hari tanpa visa.
(A) selain daripada...menetap (B) bukan sahaja...bersinggah
(C) namun begitu...melancong (D) termasuk...bersinggah
- 37 Semasa melancong di luar negara, kita harus senantiasa _____ supaya pasport atau dokumen perjalanan tidak _____.
(A) berhati-hati...hilang (B) berwaspada...basah
(C) berhati besar...meninggal (D) bersembahyang...tinggal
- 38 Hafiz: Encik, saya ingin melapor kepada polis.
Polis: Apa yang berlaku?
Hafiz: Dompet saya hilang. _____.
(A) Tidak sampai hati (B) Sudah hujan lebat
(C) Mungkin dicuri orang (D) Jangan ketawa
- 39 Sebagai seorang pengembara atau pelancong, anda disarankan mengambil _____ insurans melancong.
(A) pemerhatian (B) perlindungan (C) pemeriksaan (D) perkongsian
- 40 "Sekiranya anda tersesat jalan, _____ malu untuk bertanya dengan orang," pesan pemandu kepada para pelancong.
(A) sila (B) jangan (C) harap (D) tolong
- 41 A: Ekspo Flora Dunia akan berlangsung selama 173 hari di Taichung.
B: Wah, bagaimana caranya untuk pergi ke sana?
A: _____.
(A) Mungkin anda boleh berenang ke sana
(B) Pameran tersebut sangat menarik
(C) Terdapat banyak cara seperti menaiki bas atau kereta api
(D) Ekspo ini terdiri daripada tujuh dewan pameran
- 42 Biskut di Taiwan mempunyai pembungkusan yang _____ dan sesuai untuk diberikan _____ hadiah.
(A) cantik belaka...sebagai (B) sedap belaka...seperti
(C) benar belaka...sesungguhnya (D) hujan belaka...sekiranya
- 43 Barang pelacong _____ hilang itu telah ditemui oleh pihak hotel di lobi.
(A) akan (B) yang (C) sudah (D) tiada
- 44 Encik Wang memandu bas _____ berbual-bual dengan pelancong yang duduk di belakangnya.
(A) dan (B) kerana (C) sambil (D) sementara

- 45 “_____ perhatian kepada penumpang, sila duduk di tempat masing-masing kerana kita akan mendarat sebentar lagi,” kata pramugari itu.
(A) Sila (B) Jangan (C) Minta (D) Jemput
- 46 Nombor telefon bimbit saya ialah 0920131321, sila hubungi saya jika ada apa-apa _____ kecemasan.
(A) masalah (B) majalah (C) majikan (D) kecuali
- 47 _____ lapangan terbang itu sedang menyampaikan taklimat kepada pelancong tentang penundaan penerbangan.
(A) Jurubahasa (B) Jurucakap (C) Jurutera (D) Juruulas
- 48 Ketika melihat pemandangan pergunungan Ali, Xiao Man berkata, “_____, sungguh indahnyanya pergunungan ini!”
(A) alamak (B) cis (C) aduhai (D) amboi
- 49 _____ penonton akan dihiburkan dengan _____ persembahan daripada penyanyi dan penari.
(A) Para...beberapa (B) Ramai...sedikit
(C) Kebanyakan...para (D) Beberapa...sesetengah
- 50 Pada malam tahun baharu, bandar Taipei _____ dengan pertunjukan konsert muzik dan bunga api.
(A) hingar-bingar (B) gilang-gemilang (C) terang-benderang (D) dentam-dentum
- 51 Pelancong yang bernama Xiao Hong, Da Wang dan Huang Yi baru sahaja pulang ke hotel daripada _____ bunga api di gedung 101.
(A) mengikuti (B) memandang (C) menatap (D) menyaksikan
- 52 Daerah sekitar gedung 101 mulai **sesak** selepas pukul lima petang pada malam perayaan tahun baharu. Pilih perkataan antonim bagi **sesak**.
(A) tegang (B) lenggang (C) renggang (D) senggang
- 53 Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.
Perjalanan ke Hualian terpaksa ditangguhkan kerana taufan dan hujan lebat.
(A) Adakah perjalanan ke Hualian ditangguhkan?
(B) Mengapakah perjalanan ke Hualian terpaksa ditangguhkan?
(C) Perjalanan ke Hualian ditangguhkan sampai bila?
(D) Siapakah yang mengumumkan perjalanan ke Hualian ditangguhkan?
- 54 Badan Ming Hao berasa _____ dan bersemangat selepas mandi air panas di Zhiben pemandian air panas.
(A) calar-balar (B) basah-kuyup (C) kering-kerontang (D) segar-bugar
- 55 Baju yang dibeli oleh ibu di pasar malam Feng Chia itu sangat **pendek**. Pilih perkataan antonim bagi **pendek**.
(A) lonjong (B) panjang (C) rendah (D) singkat
- 56 Banyak pelancong _____ datang untuk membeli-belah sempena jualan gudang yang dibuat di kedai pakaian di pasar malam itu.
(A) berlonjak-lonjak (B) berjengket-jengket (C) bertolak-tolak (D) berpusu-pusu

- 57 Kita semua menginap di hotel itu selama lima hari empat malam, ucap pemandu itu kepada kawannya. Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberi.
- (A) Mengapakah kamu semua menginap di hotel itu?
 - (B) Bilakah kamu semua menginap di hotel itu?
 - (C) Bagaimanakah kamu semua menginap di hotel itu?
 - (D) Berapa lamakah kamu semua menginap di hotel itu?
- 58 Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.
- Pemandu Amir mengarahkan para peserta percutian supaya berbaris dalam kumpulan masing-masing untuk daftar masuk penerbangan.
- (A) Para peserta perkhemahan berbaris dalam kumpulan masing-masing setelah diarahkan oleh pemandu Amir.
 - (B) Pemandu Amir mengagihkan para peserta percutian yang sedang berbaris kepada beberapa kumpulan.
 - (C) Semua peserta percutian diarahkan oleh Pemandu Amir agar beratur dalam kumpulan masing-masing.
 - (D) Pemandu Amir diarahkan oleh para peserta percutian agar berbaris bersama-sama dengan mereka.
- 59 Para petugas di imigrasi semuanya _____ akan menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi.
- (A) berucap
 - (B) berikrar
 - (C) berpesan
 - (D) berwasiat
- 60 Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.
- Pelancong itu mempelawa tetamunya supaya minum teh susu dan makan snek yang tersedia itu.
- (A) Tetamu pelancong dipersilakan minum teh susu dan makan snek yang tersedia itu.
 - (B) Tetamu serta pelancong dipelawa minum teh susu dan makan snek yang tersedia itu.
 - (C) Pelancong dipelawa oleh tetamu agar minum teh susu dan makan snek yang tersedia itu.
 - (D) Tetamu dipelawa oleh pelancong untuk minum teh susu dan makan snek yang tersedia itu.
- 61 Salah satu anak pelancong itu makan dengan _____ sekali kerana dia tidak makan sejak pagi lagi.
- (A) ganas
 - (B) kasar
 - (C) gelojoh
 - (D) garang
- 62 Taiwan sedang menggalakkan percutian _____ sehingga pelancong muslim tidak perlu khuatir untuk datang ke Taiwan.
- (A) baik
 - (B) harum
 - (C) indah
 - (D) halal
- 63 Penjual itu bertanya kepada Siaw Wei, _____ awak suka akan makanannya?
- (A) bilakah
 - (B) adakah
 - (C) bagaimanakah
 - (D) manakah
- 64 Dalam penerbangan menuju ke Taiwan, ada pengumuman bahawa membawa makanan yang mengandungi daging adalah **dilarang**.
- Apa erti **dilarang**?
- (A) Dibenarkan
 - (B) Tidak dibenarkan
 - (C) Boleh
 - (D) Sila
- 65 Membawa dokumen perjalanan adalah keharusan bagi _____ pelancong yang pergi ke luar negara.
- (A) setiap
 - (B) sebahagian
 - (C) sekalian
 - (D) setengah
- 66 Esok hari mungkin akan turun hujan, _____ lupa _____ payung. Pesan pemandu kepada pelancong yang mahu pergi ke Zoo Negara esok.
- (A) bukan...jangan
 - (B) jangan...dibawa
 - (C) tidak...bawa
 - (D) jangan...membawa

- 67 _____ esok pukul lima pagi harus bangun untuk pergi ke Kaoshiung, pemandu mempersilakan semua pelancong untuk rehat lebih awal.
(A) Oleh (B) Masih (C) Lantaran (D) Sehingga
- 68 _____ pun dijalankan oleh pihak polis lapangan terbang sebelum mengambil tindakan terhadap lelaki itu.
(A) Menyiasat (B) Siasatan (C) Disiasat (D) Penyiasat
- 69 Penyidai pakaian tradisional Formosa itu mempunyai _____ yang unik dan mesra pengguna, sehingga banyak pelancong yang membelinya.
(A) reka bentuk (B) reka cipta (C) ubah suai (D) alat bantu
- 70 Saya sudah lima belas tahun _____ sebagai pemandu pelancongan di syarikat ini.
(A) pekerjaan (B) memandu (C) pekerja (D) bekerja

Cuti kerja pada tahun yang lalu, sahabat pena saya bernama Xiao Mei dari Taiwan melancong ke Malaysia selama dua hari. Pada hari pertama di Malaysia, saya membawa dia melawat Muzium Negara di Kuala Lumpur. Xiao Mei suka melihat kenderaan lama yang dipamerkan di hadapan muzium. Dia bergambar di sisi beca, meriam lama dan kereta lembu. Saya juga tidak melepaskan peluang untuk bergambar bersama Xiao Mei. Di dalam muzium, kami melihat pameran senjata lama dan pakaian tradisional rakyat Malaysia. Xiao Mei kagum melihat kesenian istiadat perkahwinan pelbagai kaum di Malaysia. Setelah puas berjalan, kami minum di gerai yang berdekatan. Xiao Mei merasa kuih-muih tradisional yang dijual di situ.

Pada hari kedua, saya membawa Xiao Mei ke Menara Berkembar Petronas. Kerana bentuk menara berkembar yang unik, kita pun bergambar. Pada malam hari Xiao Mei bertolak kembali ke Taiwan. Dia sangat gembira kerana dapat bercuti di Malaysia yang menarik ini.

- 71 Di manakah Muzium Negara terletak?
(A) Selangor (B) Kuala Lumpur (C) Penang (D) Ipoh
- 72 Dari manakah sahabat pena saya berasal?
(A) Kuala Lumpur (B) Malaysia (C) Taiwan (D) Thailand
- 73 Apakah pameran yang **tidak** terdapat di dalam muzium?
(A) Pameran kereta lembu
(B) Pameran pakaian tradisional rakyat Malaysia
(C) Pameran senjata lama
(D) Pameran kesenian istiadat perkahwinan pelbagai kaum
- 74 Mengapakah Xiao Mei berasa gembira?
(A) Dia dapat bergambar di hadapan Muzium Negara.
(B) Dia dapat bercuti di Malaysia.
(C) Dia puas berjalan-jalan di Kuala Lumpur.
(D) Dia kagum melihat kesenian di Malaysia.
- 75 Berikut benar tentang petikan **kecuali**
(A) Xiao Mei suka melihat kenderaan lama yang dipamerkan di Muzium Negara.
(B) Kami minum di gerai berhampiran Muzium.
(C) Xiao Mei datang ke Malaysia untuk melancong.
(D) Kami melihat pameran senjata lama dan kasut tradisional rakyat Malaysia.

Kebelakangan ini, kerajaan Taiwan **giat** melancarkan rancangan “Dasar Menuju ke Arah Selatan Baru” yang menumpukan perhatian kepada potensi negara-negara Asia Tenggara, terutamanya dalam bidang pelancongan. Rancangan ini termasuk berusaha membuka pasaran Muslim dan produk-produk halal. Dengan demikian, demi memperkenalkan pelancongan mesra Muslim di Taiwan, Jabatan Penerangan dan Pelancongan Taipei mengadakan ekspo dan pameran mesra Muslim di Taipei selama dua hari.

Berdasarkan statistik dari Lembaga Pelancongan, Kementerian Pengangkutan Taiwan, pada tempoh separuh pertama tahun 2019, warga Malaysia yang berkunjung ke Taiwan dihitungkan seramai 275,895 orang. Angka ini mencatatkan bilangan pengunjung yang tertinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia Tenggara. Dengan statistik seperti yang dinyatakan di atas, pihak Taiwan berpegang pendapat bahawa pengunjung Malaysia adalah sumber yang amat penting kepada sektor pelancongan Taiwan.

Taipei sebagai sebuah bandar raya metropolitan dan bandar antarabangsa, memiliki pelbagai keistimewaan dan keindahan yang berpeluang diterokai oleh pengunjung asing. Oleh kerana itu, “Menemui Taipei” tetap menjadi tema untuk mempromosikan Taipei kepada **kawan-kawan** dari Asia Tenggara. Demi mempertingkatkan sektor pelancongan, pihak Taiwan juga telah memperluaskan fasiliti dan kemudahan yang mesra Muslim dari segi penginapan, pemakanan dan ruang awam sejak beberapa tahun sebelum ini supaya umat Muslim dapat menikmati perjalanan mereka dengan lebih selesa dan mudah. Menurut statistik yang ditunjukkan, sebanyak 85 buah restoran dan hotel memperoleh pensijilan halal yang dikeluarkan oleh Chinese Muslim Association (CMA). Di samping itu, Stesen Utama Taipei, Muzium Istana Negara, Taipei 101 dan beberapa destinasi pelancongan yang terkenal turut menyediakan kemudahan wuduk dan surau bagi pelawat Muslim.

76 Menurut petikan di atas, apakah usaha yang paling utama bagi rancangan “Dasar Menuju ke Arah Selatan Baru” yang dilaksanakan di Taiwan?

- (A) Mempromosikan negara-negara Asia Tenggara kepada orang Taiwan.
- (B) Meningkatkan tarikan pelancongan Taiwan terhadap negara-negara Asia Tenggara.
- (C) Menjual makanan halal kepada negara-negara Asia Tenggara.
- (D) Mempromosikan Asia Tenggara melalui iklan dan pameran.

77 Menurut statistik, bilangan pelancong Malaysia yang berkunjung ke Taiwan adalah angka yang _____ pada tahun lalu.

- (A) tertinggi di seluruh dunia
- (B) tertinggi di seluruh Asia Tenggara
- (C) tertinggi di Asia Timur
- (D) tertinggi di seluruh Asia

78 Apakah sebab utama bagi destinasi-destinasi yang tertentu untuk menyediakan kemudahan wuduk dan surau?

- (A) Untuk menjual barang atau produk halal kepada pelawat Muslim.
- (B) Supaya boleh mempromosikan Taipei dengan cara yang kurang sopan.
- (C) Supaya dapat menjadikan Taipei sebuah bandar beragama Islam.
- (D) Untuk menyediakan suasana yang nyaman untuk Umat Muslim.

79 Apa perkataan yang sama makna dengan **giat** di paragraf pertama?

- (A) sederhana
- (B) malas
- (C) gigit
- (D) gigih

80 Apa perkataan yang berlawanan dengan **kawan-kawan** di paragraf ketiga?

- (A) musuh-musuh
- (B) rakan-rakan
- (C) teman-teman
- (D) sanak saudara